

Jambatan Marudi siap September 2024

JIKU JUGUONG

MARUDI: Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Marudi, Datuk Penguang Manggil yakin lebih ramai orang luar datang ke Marudi apabila Jambatan Marudi siap kelak.

Menurut Penguang, Jambatan Marudi dalam proses pembinaan dan akan dapat disiapkan pada September 2024.

Tambahnya, jalan baharu dari Miri ke Marudi turut dibina tahun depan dan ini akan memberi keselesaan kepada rakyat Marudi dan orang luar yang hendak datang ke Marudi dan seterusnya ke Mulu.

"Inilah inspirasi saya untuk membawa banyak lagi pembangunan di Marudi dan seterusnya membawa orang luar datang ke Marudi supaya bisnes di Marudi

akan meningkat dari semasa ke semasa," katanya pada Majlis Perasmian Lagu Warga Emas Kelab Peminat Lagu Tai Lian Peringkat Negeri Sarawak ke-19 di Dewan Suarrah Marudi di sini, baru-baru ini.

Seramai 55 peserta dari seluruh Sarawak menyertai program itu dan Marudi dipilih sebagai tuan rumah.

Daripada jumlah tersebut, seramai 20 peserta layak ke pentas final iaitu 10 peserta wanita dan 10 peserta lelaki.

Penguang turut mengucapkan tahniah kepada Jawatankuasa Pengelola atas kejayaan menganjurkan pertandingan Lagu Tai Lian untuk warga emas yang berusia 45 tahun ke atas.

Dalam pada itu, Penguang berharap komuniti Marudi lebih-lebih lagi komuniti Tiong Hua dapat menganjurkan pelbagai aktiviti pertandingan Pekan Marudi pada masa akan datang.



RASMI... Datuk Penguang Manggil bersama yang lain menyempurnakan perasmian Pertandingan Lagu Warga Emas Peminat Lagu Tai Lian di Marudi.

Bellau akan sentiasa memberi sokongan padu kepada pihak penganjur selain turut memberikan sumbangan RM15,000 kepada pihak pengelola pertandingan.

Turut menyampaikan sumbangan ialah Timbalan Menteri di Jabatan Premier (Peman-tauan Buruh, Imigresen dan

Projek) yang juga ADUN Mulu, Datuk Gerawat Gala sebanyak RM5,000, manakala Timbalan Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Dato Sebastian Ting Chiew Yew turut menyumbangkan sebanyak RM5,000.

Turut hadir, Pegawai Daerah Marudi, Belayong Pok yang turut mewakili, Datuk Gerawat Gala,

Penghulu Lau Kah Lieng yang mewakili Dato Sebastian Ting, Presiden Persatuan Peminat Lagu Tai Lian Sarawak, Chai Chung Wei, Pengerusi Pengelola, Tiong Chiong Hua, Pengerusi Majlis Daerah Marudi (MDM), Kaunselor Edward Mendai dan Pengerusi Majlis, Hii Yii Hwong.

Sarawak Metro raih Anugerah Jenama Paling Inovatif

KUCHING: Sarawak Metro Sdn. Bhd. baru-baru ini telah menerima Anugerah Jenama Paling Inovatif di dalam kategori Penyelesaian Pengangkutan Awam daripada The World Brands Foundation atas

komitmen syankatnya terhadap inovasi dalam sektor pengangkutan awam.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Metro Sarawak, Mazli Mustafa anugerah ini amat bermakna kepa-

da Sarawak Metro kerana telah mengiktiraf kerja keras di dalam perancangan Projek Pengangkutan Awam Bandar Kuching (KUTS) ke arah memastikan kelancaran pelaksanaan projek tersebut.

"Kami berbangga kerana telah dicalonkan untuk anugerah itu, tetapi pada masa sama kami juga berasa rendah diri kerana diberi pengiktirafan atas peluang untuk melaksanakan kerja yang akan memberi kualiti hidup yang lebih baik untuk penduduk Kuching," katanya dalam kenyataan media dikeluarkan oleh Sarawak Metro, baru-baru ini.

Dalam kenyataan sama, Pengarah Lembaga Metro Sarawak, Dato Alice Jawan Empaling percaya bahawa, anugerah itu akan dapat mendorong Sarawak Metro untuk mencapai tahap yang lebih tinggi terutamanya dalam mengubah pengangkutan awam di Sarawak.

"Projek KUTS hanyalah permulaan usaha kami untuk melakukan transformasi sistem pengangkutan awam di Sarawak.

"Melalui anugerah ini, kami juga bersyukur kerana komitmen Sarawak Metro dalam melaksanakan transformasi ini diakui dan saya yakin, ia akan dapat merangsang organisasi untuk mencapai kejayaan dengan lebih banyak lagi," tambahnya.

Sementara itu, Pengerusi Metro Sarawak yang juga Pengerusi Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC), Tan Sri Dato Amar Dr Abdul Aziz Dato Husain mengucapkan tahniah kepada pasukan pengurusan Sarawak Metro atas pencapaian ini.

"Saya berbangga dengan pencapaian ini dan saya berharap anugerah ini akan membenarkan inspirasi kepada seluruh pasukan di Sarawak Metro untuk mencapai kejayaan yang lebih baik pada masa hadapan," katanya. - UKAS



TAHNIHAH... Sarawak Metro Sdn. Bhd. raih Anugerah Jenama Paling inovatif di dalam kategori Penyelesaian Pengangkutan Awam daripada The World Brands Foundation.

80 guru sertai Program Info Malaysia Teacher Prize 2023

KUCHING: Seramai 80 guru Bahagian Kuching menghadiri Program Info Malaysia Teacher Prize 2023 yang diadakan di Universiti Teknologi Swinburne Sarawak di sini, semalam.

Program ini adalah anjuran Pemimpin Ahli Rangkaian Guru Sekolah Global (GSL) yang mendapat sokongan daripada Kementerian Pendidikan (KPM) dan Yayasan Varkey Global Teacher Prize.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengasas Bersama Malaysia Teacher Prize, Cheryl Ann Fernando dan Pengasas Bersama Malaysia Teacher Prize, Samuel Isaiah hadir bagi penceramah dan taklimat pada program tersebut.

Program ini merupakan anugerah berprestij yang mewakili jenama Global Teacher Prize bertujuan untuk menonjolkan bakat guru di Malaysia, menyediakan ruang untuk pemerksaan guru dan memartabatkan profesion kegunaan.

Pemenang Malaysia Teacher Prize akan memenangi hadiah wang tunai berjumlah RM50,000, manakala lima finalis teratas kecuali pemenang akan menerima hadiah wang tunai berjumlah RM5,000.

Bagi 10 finalis teratas akan menerima sin bengel pembangunan profesionalisme Pemimpin GSL.

Tempoh permohonan bagi

tahun ini dibuka sejak 4 April hingga 2 Julai depan dan boleh

melayari laman sesawang malaysiateacherprize.org untuk memo-

hon atau mencadang guru untuk menyertai program ini.



KENANGAN... Cheryl Ann Fernando dan Samuel Isaiah merakam gambar bersama 80 guru Bahagian Kuching pada Program Info Malaysia Teacher Prize 2023 di Universiti Teknologi Swinburne Sarawak di Kuching, semalam.